



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PELAKSANAAN LANGKAH SEGERA KE ARAH KESEJAHTERAAN GURU

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus mendukung dan memberikan tumpuan kepada tujuh teras utama dalam hasrat melahirkan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

Justeru, dalam teras kelima yang memfokuskan kepada isu kebajikan termasuk tekanan yang dihadapi oleh para guru, KPM bersetuju untuk melaksanakan langkah segera, hasil daripada laporan awal yang diterima, seperti yang berikut:

- 1. Memansuhkan sebarang bentuk pertandingan, sambutan atau majlis di semua peringkat yang tidak memberikan impak besar terhadap pembelajaran murid dan hanya menambahkan beban tugas guru.** Sebagai contoh, pertandingan keceriaan pusat sumber, tandas tercantik, Bilik Operasi SPBT terbaik, dan yang seumpamanya.
- 2. Mengurangkan kekerapan semakan elemen pengurusan sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang melibatkan guru kepada **setahun sekali sahaja**.**
- 3. Menetapkan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid yang lebih fleksibel kepada guru iaitu 12 tengah hari untuk sesi pagi dan 5 petang untuk sesi petang bagi mengelakkan kesesakan dalam sistem.**
- 4. Pelantikan pengawas peperiksaan awam** yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) **terbuka** kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat seperti pesara kerajaan, pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) tetapi perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan.

5. Menghadkan penganjuran sambutan Hari Guru Tahunan kepada **peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja**.
6. Menetapkan ringkasan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) di peringkat KPM bagi memastikan **kembali memenuhi keperluan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.3/1999**, yang merangkumi elemen objektif, pengajaran dan refleksi.
7. **Memperkuuh autonomi guru** dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

Kesemua langkah ini akan diperincikan oleh pengurusan tertinggi KPM dan akan **dilaksanakan bermula sesi persekolahan 2023/2024**.

KPM sentiasa komited memastikan kesejahteraan guru terus terpelihara.

-TAMAT-

**FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA
17 FEBRUARI 2023**